

KULIAH ZOHOR

**“Menguasai Perasaan &
Kepentingan Keyakinan Diri”**

Masjid Maarof | 27 November 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Ayat Al-Quran

وَإِذْ نَادَى رَبُّكَ مُوسَىٰ أَنِ ائْتِ الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ
قَوْمَ فِرْعَوْنَ أَلا يَتَّقُونَ
قَالَ رَبِّ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُكَذِّبُونِ
وَيَضِيقُ صَدْرِي وَلَا يَنْطَلِقُ لِسَانِي فَأَرْسِلْ إِلَىٰ هَارُونَ
وَلَهُمْ عَلَيَّ ذَنْبٌ فَأَخَافُ أَنْ يَقْتُلُونِ
قَالَ كَلَّا فَادْهَبَا بِآيَاتِنَا إِنَّا مَعَكُمْ مُسْتَمِعُونَ

Terjemahan

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu menyeru Musa (dengan firmanNya) 'Datangilah kaum yang zalim itu'. (Iaitu) kaum Firaun, mengapa mereka tidak bertakwa? Berkata Musa 'Ya Tuhanku, sesungguhnya aku takut mereka akan mendustakan aku. Dan (kerananya) sempitlah dadaku dan tidak lancar lidahku, maka utuslah (Jibril) kepada Harun. Dan aku berdosa terhadap mereka, maka aku takut mereka akan membunuhku. Allah berfirman 'Jangan takut (mereka tidak akan dapat membunuhmu), maka pergilah kamu berdua dengan membawa ayat-ayat Kami (mukjizat-mukjizat); sesungguhnya Kami bersamamu mendengarkan (apa-apa yang mereka katakan).”

(Al-Syu`ara': 10 - 15)

Pengajaran

1. Allah taala menceritakan perasaan nabi Musa a.s ketika terima perintah dan tanggungjawab dakwah
 - rasa gerun dan gementar dengan tugas
2. Lumrah manusia rasa gementar dengan tanggungjawab dan amanah
 - seorang nabi yang gagah seperti Musa a.s juga ada perasaan sedemikian
 - contohi nabi Musa a.s kerana beliau tidak membiarkan perasaan itu menguasai dan menghantui diri
 - tidak jadikan alasan untuk mengelak dari tugas, “Saya tidak mampu”, “Tugas ini terlalu berat”, “Saya tidak layak” dll.

3. Apa yang perlu itu ialah, nilai secara objektif kepentingan tugas itu dan bagaimana dapat menyumbang untuk menjayakannya
 - atasi perasaan sebagaimana yang ditunjukkan oleh nabi Musa. a.s.
 - sebaik-baik cara ialah mengadu kepada Allah taala, yang menguasai perasaan dan hati manusia

4. Nabi Musa a.s tidak mohon lepaskan dari tugas
 - mohon diberi bantuan bagi menunaikannya
 - tidak larikan diri dari tugas, tidak beri alasan untuk tidak menerimanya kerana kelemahan
 - > dia mohon sokongan dan bantuan

5. Dalam hadapi tugas dan kelemahan diri, mengadulah kepada Allah taala untuk diberi bantuan
- jangan lari dari tugas sebelum mencuba
6. Semua tugas dakwah perlukan keyakinan diri untuk menjayakannya
7. Muslim yang “timid” tidak akan mencipta sejarah
8. Perlu bina keyakinan diri dalam setiap anak didik

KULIAH ZOHOR

“Beransur-ansur Dalam Perubahan”

Masjid Maarof | 27 November 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Ayat Al-Quran

وَقُرْآنًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْتٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا

“Dan Al-Quran itu telah Kami turunkan dengan beransur-ansur agar kamu membacakannya perlahan-lahan kepada manusia dan Kami menurunkannya bahagian demi bahagian.” (Al-Isra’: 106)

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ
فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا

“Berkata orang-orang kafir ‘Mengapa Al-Quran itu tidak diturunkan kepadanya sekali gus?’ Demikianlah supaya Kami perkuat hatimu dengannya dan Kami membacakannya secara tartil (teratur dan benar).” (Al-Furqan: 32)

Pengajaran

1. Ayat ini dalil bahawa proses penurunan Al-Quran ialah secara beransur-ansur
 - Allah taala mampu untuk turunkan Al-Quran sekali gus sebagaimana Taurat diwahyukan kepada nabi Musa a.s., tapi pilih cara beransur-ansur sebagai pelajaran;
 - a. rahmat kepada manusia
 - b. mudahkan manusia terima Al-Quran
 - c. mudahkan manusia amal Al-Quran
 - d. mantapkan Al-Quran dalam diri

2. Sesiapa sahaja yang teliti Al-Quran akan dapati sifat beransur-ansur adalah aturan alam ini, contohnya;
 - a. Allah taala sendiri jadikan alam dalam tempoh 6 hari (tahap)
 - b. Allah taala syariatkan banyak hukum secara bertahap e.g pengharaman arak, riba dan perintah jihad
 - c. Allah taala musnahkan sesuatu umat pun melalui proses beransur-ansur e.g diutus nabi, dibiarkan kemunculan kelompok yang melampau (mutrafiiha) dan dibanyakkan maksiat bermaharajalela dahulu.

3. Dakwah mesti mematuhi aturan alam, mesti memelihara prinsip beransur-ansur dan bertahap-tahap (tadarruj)
4. Islam datang untuk mengubah perkara yang mendasar seperti persoalan sistem kepercayaan manusia dan sasaran utama dakwah adalah sentiasa perkara pokok dan dasar
 - perkara pokok dan dasar pun, mestilah diubah secara beransur-ansur
5. Revolusi dalam erti mencetus perubahan mendadak, bukan pilihan utama dakwah
 - walau kelihatan gah (glamour) pada pandangan umum

6. Menerima proses bertahap-tahap dalam dakwah, perlu terima akibat darinya
 - a) sanggup hidup dalam kerosakan dahulu sementara ia dapat diubah
 - > tidak lari dari satu tempat semata-mata kerana ia adalah tempat atau masyarakat yang rosak
 - b) sanggup untuk biarkan kemunkaran yang kecil bagi menumpu kepada usaha ubah kemunkaran yang besar
 - c) sanggup tanggung sedikit kerosakan bagi hilangkan kerosakan atau menarik maslahat yang lebih besar
7. Yang ingin memilih jalan yang pantas dan cepat dalam usaha dakwahnya, wajib pastikan tidak menimbulkan mudarat yang lebih besar